Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur
Tel : 603 2162 7533 Faks : 603 2161 2134

www.kraftangan.gov.my

Laporan Tahunan 2011 Annual Report

Laporan tahunan

annual report 2011



KRAFTANGAN MALAYSIA



Kandungan Contents

Perutusan Menteri	04	***Message from Minister***
Perutusan Pengerusi	06	***Message from Chairman***
Perutusan Ketua Pengarah	08	***Message from Director General***
Maklumat Korporat	10	***Corporate Information***
Lembaga Pengarah	13	***Board of Directors***
Ahli Pengurusan	16	***Management Team***
Carta Organisasi	17	***Organisation Chart***
Perjawatan	20	***Personnel***
Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan	23	***Management and Development Expenditures***
Ringkasan Prestasi Program Pembangunan	26	***Summary of Development Programme Performance***
Prestasi Program Pembangunan: • Pemasaran Kraf • Pembangunan Usahawan Kraf • Penyelidikan dan Pembangunan • Pembangunan Kemahiran Kraf (Institut Kraf Negara) • Pemuliharaan Kraf • Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	31	***Development Programme Performance:*** • *Craft Marketing* • *Craft Entrepreneur Development* • *Research and Development (R&D)* • *Craft Skills Development (National Craft Institute)* • *Craft Restoration* • *Information and Communication Technology (ICT) Development*
Prestasi Anak Syarikat: • Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd • Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd	77	***Performance of Subsidiary Companies:*** • *Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.* • *Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd.*
Penyata Kewangan	81	***Financial Statement***

Perutusan
Messages



Perak / *Silver*

Perutusan Menteri
Message From Minister



Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
Minister Of Information Communications and Culture Malaysia

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Kraftangan Malaysia terus memperhebatkan peranan sebagai peneraju industri kraf di Malaysia. Pelbagai usaha membangunkan industri kraf negara diadakan menerusi pelaksanaan aktiviti Pemasaran Kraf, Pembangunan Usahawan Kraf, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pembangunan Kemahiran Kraf (Institut Kraf Negara) dan Pemuliharaan Kraf. Pendekatan ini penting bagi memastikan industri kraf tempatan terus berkembang dan meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara.

The Ministry of Information Communications and Culture (MICC) through Malaysian Handicraft continues to strengthen its role as the driving force behind the craft industry in Malaysia. Various initiatives to further develop the nation's craft industry are conducted through the implementation of Craft Marketing, Craft Entrepreneur Development, Research and Development (R&D), Craft Skills Development (National Craft Institute) and Craft Restoration activities. This approach is essential to ensure that the local craft industry continues to thrive and its contribution to the national income continues to grow.

"Kita perlu menanamkan sikap inovatif, komited dan sentiasa berusaha menambah nilai terhadap penghasilan produk kraf tempatan dari semasa ke semasa."



"We need to inculcate an innovative culture that is always committed and strive to add value to the production of local products constantly and consistently."

Kita perlu menanamkan sikap inovatif, komited dan sentiasa berusaha menambah nilai terhadap penghasilan produk kraf tempatan dari semasa ke semasa. Usaha perlu ada untuk menggunakan corak-corak lama dalam karya terkini yang bersesuaian dengan kehendak pasaran agar produk kraf tempatan mempunyai nilai komersial.

Syabas dan tahniah kepada Kraftangan Malaysia di atas penerbitan Laporan Tahunan 2011. Semoga Kraftangan Malaysia akan terus berusaha dan beriltizam demi memartabatkan industri kraf negara ke arah yang lebih cemerlang. Laporan Tahunan 2011 ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada masyarakat mengenai perkembangan industri kraf di Malaysia.

We need to inculcate an innovative culture that is always committed and strive to add value to the production of local products constantly and consistently. Effort must be taken to ensure adaptation of an existing design to a new and modern design that fulfil market needs and expectation is implemented enabling our local craft products to attain commercial and competitive value.

Congratulations to Malaysian Handicraft on the publication of its 2011 Annual Report. I hope Malaysian Handicraft will continue its commitment and insistent effort to strengthen and uplift the stature of the national craft industry towards the pinnacle of excellence. We hope that the 2011 Annual report will become a reference material and provide guidance to the community on the latest craft industry development in Malaysia.

Perutusan Pengerusi
Message From Chairman



Dato' Haji Sohaimi Shahadan
Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Chairman, Malaysian Handicraft Development Corporation

"Pemasaran produk kraf tempatan yang tulen dan berkualiti ditingkatkan melalui usaha pengukuhan peranan anak syarikat Kraftangan Malaysia iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn.Bhd."

Saya berasa bangga di atas penerbitan Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) bagi tahun 2011. Laporan tahunan ini adalah rujukan utama kepada masyarakat mengenai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kraftangan Malaysia di dalam usaha memartabatkan industri kraf negara.

Malaysia telah memasuki era globalisasi yang penuh cabaran dan rintangan. Keadaan ini menuntut Kraftangan Malaysia sentiasa peka dengan perubahan yang berlaku di peringkat domestik dan global. Secara tidak langsung, ia merupakan cabaran kepada usahawan kraf. Kraftangan Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan untuk mempertingkat kecekapan dan tumpuan terhadap pelaksanaan program pembangunan yang memberi impak besar terhadap industri kraf serta pertumbuhan ekonomi negara. Antaranya menghasilkan pelbagai rekaan produk kraf baru mengikut cita rasa dan kehendak semasa pasaran untuk dikongsi bersama usahawan kraf tempatan. Penyediaan rekaan baru ini mengambil kira aspek reka corak, bahan, warna terkini dan penggunaan teknologi moden bagi mempermudahkan proses pengeluaran. Kraftangan Malaysia juga sentiasa berusaha memasar dan mempromosikan produk kraf menerusi aktiviti promosi yang dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa. Ia dapat meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membeli dan memiliki produk kraf tempatan. Usahawan kraf digalakkan untuk menggunakan kemudahan ini bagi memasarkan produk keluaran sendiri. Pemasaran produk kraf tempatan yang tulen dan berkualiti ditingkatkan melalui usaha pengukuhan peranan anak syarikat Kraftangan Malaysia iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn.Bhd.

Akhir kata, bagi pihak Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Kraftangan Malaysia atas daya usaha dan komitmen mereka sepanjang tahun 2011. Saya yakin dan percaya Kraftangan Malaysia akan terus memainkan peranan yang lebih aktif bagi memajukan industri kraf negara ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan.

I am very proud with the publication of the Malaysian Handicraft Development Corporation Annual Report (Malaysian Handicraft) for year 2011. This year annual report will act as the main reference material to the public informing them of all programmes and activities conducted by Malaysian Handicraft in our unrelenting effort to elevate the stature of our country's craft industry.

Malaysia has now entered an era of globalization that is laden with challenges and obstacles. This situation will require Malaysian Handicraft to be vigilant towards any changes taking place either domestically or globally. Indirectly, it also poses a challenge to our local craft entrepreneurs. Malaysian Handicraft has embarked on several measures that will improve efficiency and provide more focus in the implementation of development programmes that will have a major impact on the craft industry and our nation's economic growth. Part of it is the production of various new craft product designs that meets the current market demand and trends to be cascaded and shared with the local craft entrepreneurs. The production of these new designs will take into consideration key aspects including design patterns, materials, latest colour trend and the use of modern technology that will expedite the production process. Malaysian Handicraft continues to penetrate bigger market and promotes craft products through the implementation of various activities organized at national and international level. This will help to raise awareness amongst the public to buy and own locally made craft products. Craft entrepreneurs are encouraged to use this facility to market their own products. The marketing of genuine and high quality locally made craft products will be further enhanced by strengthening the role of Malaysian Handicraft's subsidiary that is Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.

Finally, on behalf of the Malaysian Handicraft Board of Directors, I would like to take this opportune moment to express my utmost sincere appreciation to the dedicated personnel of Malaysian Handicraft for their effort and commitment shown throughout 2011. I honestly believe and trust that Malaysian Handicraft will continue to play an active role and steer the advancement of the nation's craft industry towards its pinnacle in the future.



"The marketing of genuine and high quality locally made craft products will be further enhanced by strengthening the role of Malaysian Handicraft's subsidiary that is Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd."

Perutusan Ketua Pengarah
Message from Director General



Mohd. Kamil Mohd. Ali
Ketua Pengarah, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Director General, Malaysian Handicraft Development Corporation

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan kekuatan kepada Kraftangan Malaysia untuk menjayakan pelbagai program pembangunan untuk faedah seluruh usahawan dan industri kraf. Alhamdullillah, kejayaan ini adalah berkat kerjasama dan sokongan padu serta komitmen tinggi yang telah diberikan oleh semua warga Kraftangan Malaysia.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus-lumus menjayakan program dan aktiviti dirancang. Tahun 2011 memperlihatkan usaha yang lebih agresif oleh Kraftangan Malaysia dalam menghadapi setiap cabaran serta rintangan pada era globalisasi ini. Aspek pembangunan merupakan fokus terpenting yang diberi penekanan oleh Kraftangan Malaysia merangkumi program utama iaitu Pemasaran Kraf, Pembangunan Usahawan Kraf, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pembangunan Kemahiran Kraf (Institut Kraf Negara) dan Pemuliharaan Kraf.

My sincere gratitude to the Almighty Allah SWT that with His Blessing the Malaysian Handicraft personnel has been bestowed with the inspiration and strength to implement various development programmes for the benefit of all craft entrepreneurs and the industry itself. Praised to Allah, this outstanding achievement is accomplished through a collective effort, support and high level commitment contributed by all personnel within Malaysian Handicraft.

Hence, I would like to take this opportunity to express my sincere gratitude to those who have strive relentlessly to successful organized all the planned programmes and activities. Year 2011 bear witness to the aggressive effort by Malaysian Handicraft as it forge ahead to overcome the obstacles and challenges in this era of globalization. Development aspects became the key focus and are accorded with great emphasis by Malaysian Handicraft encompassing key programmes such as Craft Marketing, Craft Entrepreneur Development, Research and Development (R&D), Craft Skills Development (National Craft Institute) and Craft Restoration.



Kraftangan Malaysia yakin dengan iltizam dan komitmen yang tinggi serta kecekapan warganya, pelaksanaan program-program yang lebih berkesan di dalam RMKe-10 akan dapat dilaksanakan dengan jayanya demi faedah usahawan seluruh negara. Dengan cara ini Kraftangan Malaysia akan memastikan program pembangunan industri kraf tetap relevan dalam senario pembangunan Negara.

Akhir kata saya berharap agar semua warga Kraftangan Malaysia akan terus melipat gandakan lagi usaha dalam melaksanakan segala aktiviti. Hanya dengan cara ini Kraftangan Malaysia mampu menjadi agensi yang berwibawa untuk faedah semua usahawan kraf.

Malaysian Handicraft is confident that with the high level of commitment and competence from its personnel, the implementation of key programs in RMK-10 will be executed successfully for the benefit of all entrepreneurs across the country. Through this method, Malaysian Handicraft will ensure that all the development programmes tailored for the craft industry stays relevant to the National development scenario.

Finally, I hope that the dedicated personnel of Malaysian Handicraft continue to double their efforts in implementing all the activities planned. This is the only way in which Malaysian Handicraft will evolve towards becoming an agency of outstanding aptitude to benefit all craft entrepreneurs.

“Kraftangan Malaysia yakin dengan iltizam dan komitmen yang tinggi serta kecekapan warganya, pelaksanaan program-program yang lebih berkesan di dalam RMKe-10 akan dapat dilaksanakan dengan jayanya”

“Malaysia Handicraft is confident that with the high level of commitment and competence from its personnel, the implementation of key programs in RMK-10 will be executed successfully”

Maklumat Korporat
Corporate Information



Tembaga / *Brassware*



Maklumat Korporat
Corporate Information

Kraftangan Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Ditubuhkan di bawah Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, tahun 1979 dan Akta A562 Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983. Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia diketuai oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia dan Ahli Lembaga Pengarah daripada agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pentadbiran Kraftangan Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) bagi mencapai visi, misi dan objektif Kraftangan Malaysia selaras dengan peranannya.

VISI

Menjadi pemimpin dalam pembangunan industri kraf negara yang kukuh dan berdaya saing.

MISI

Mengkomersilkan produk seni kraf melalui pembangunan pasaran, produk dan usahawan.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kesedaran dan minat terhadap penggunaan produk kraf tempatan.
- Membangunkan produk berkualiti yang berorientasikan pasaran.
- Memperluaskan saiz pasaran produk kraf.
- Menggalakkan pertumbuhan dan memajukan industri kraf.
- Menyediakan tenaga terlatih mengikut keperluan industri kraf.

The Malaysian Handicraft, an agency under the Ministry of Information Communications and Culture was established under Act 222, Malaysian Handicraft Development Corporation Act, 1979 and Act A562 Malaysian Handicraft Development Corporation Act (Amendment) 1983. The Malaysian Handicraft Board of Directors are spearheaded by parties which consists of the Chairman, Deputy Chairman, the Malaysian Handicraft Director General and Members from the Board of Directors from Government agencies and private sectors. The Director General leads Malaysian Handicraft administration with the assistance of two Deputy Director Generals, Deputy Director General (Operations) and Deputy Director General (Development) in realising the vision, mission and role of the Malaysian Handicraft.

VISION

To be a leader in the development of the country's competitive yet stable craft industry.

MISSION

To commercialise craft products through the market, products and entrepreneurs development.

OBJECTIVE

- *To raise awareness and interest towards using local craft products.*
- *To develop market-oriented quality products.*
- *To expand market size of the craft products.*
- *To promote growth and development of the craft industry.*
- *To provide skilled workforce based on the needs of the craft industry.*

PERANAN

Peranan Kraftangan Malaysia seperti mana termaktub di bawah Seksyen 7, Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia tahun 1979 seperti berikut:

- Memajukan dan di mana perlu, menggiat dan memulihkan kemahiran dan ketukangan tradisional;
- Memajukan dan menggiat perkembangan dan memelihara standard, perusahaan kraftangan dengan pelbagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidik, penasihat dan pengembang;
- Memandu, mengorientasi dan membantu tukang-tukang yang ada sekarang ke arah penggunaan cara-cara moden pengeluaran, pengurusan dan pemasaran;
- Mengawal, meninggikan dan memperbaiki kualiti dan menyenggara standard dan keluaran-keluaran kraftangan untuk pasaran tempatan dan luar negara; dan
- Memajukan pemasaran dan pengeksportan keluaran-keluaran kraftangan.

ROLE

The roles of Malaysian Handicraft Development Corporation as stated in the Act 222, Malaysian Handicraft Development Corporation Act in year 1979 are as follows:

- *Develop and where needed, encourage and restore skills and traditional craftsmanship;*
- *Develop, encourage progress and uphold standards of the handicraft industry in various ways, including developing research, advisory and expansion services;*
- *Drive, orientate and assist existing craftsmen towards usage of modern techniques in production, management and marketing;*
- *Control, increase and improve qualities, and maintain the standard and production of handicraft products for local and international market; and*
- *Develop marketing and exportation of handicraft products.*



Lembaga Pengarah
Board Of Directors



Batik / *Batik*



Lembaga Pengarah
Board Of Directors

01


02


07


08


03


04


09


10


05


06


11


12


01 Yang Berbahagia Datuk Zakiah binti Ahmad
Pengerusi / *Chairman*
Kraftangan Malaysia / *Malaysian Handicraft*
(sehingga 31 Ogos 2011) / *(until 31 August 2011)*

02 Yang Berbahagia Dato' Haji Sohaimi bin Shahadan
Pengerusi / *Chairman*
Kraftangan Malaysia / *Malaysian Handicraft*
(mulai 1 September 2011) / *(from 1 September 2011)*

03 Encik Azizul Nizam bin Bidin
Timbalan Pengerusi / *Deputy Chairman*
Kraftangan Malaysia / *Malaysian Handicraft*

04 Encik Mohd Kamil bin Mohd Ali
Ketua Pengarah / *Director General*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

05 Yang Berbahagia Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) / *Deputy Chief Secretary (Culture)*
Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan / *Ministry Of Information Communications and Culture*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

06 Yang Berbahagia Dato' Mohamad Kamarudin bin Hassan
Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan) / *Deputy Executive Director (Development)*
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) / *Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

07 Yang Berbahagia Dato' Norhayati binti Omar
Ahli Politik / *Politician*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

08 Yang Berbahagia Datuk Atikah binti Adom
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

09 Yang Mulia Dato' Raja Rezza Shah
Pengarah Urusan, Nusantara Gems Sdn. Bhd. / *Managing Director of Nusantara Gems Sdn. Bhd.*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

10 Encik Kamarozzaman Bin Haji Mohd. Salleh
Usahawan Kraf / *Craft Entrepreneur*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*

11 Cik Azah Hanim binti Ahmad
Ketua Seksyen, Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia / *Section Head, Government Procurement Department, Ministry of Finance Malaysia*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*
(sehingga Julai 2011) / *(until July 2011)*

12 Yang Berbahagia Datin Zahirah binti Haji Mohamad
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Pinjaman dan Dasar Pasaran Kewangan, Kementerian Kewangan Malaysia / *Principal Assistance Secretary, Loan Management and Financial Market Policy Division, Ministry of Finance Malaysia*
Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia / *Board Member of Malaysian Handicraft*
(mulai 1 Disember 2011) / *(from 1 December 2011)*

Ahli Pengurusan
Management Team

01 Encik Mohd Kamil bin Mohd Ali
Ketua Pengarah / *Director General*

02 Encik Ramli bin Mohd. Noor
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) / *Deputy Director General (Operation)*

03 Tuan Haji Shahrudin bin Haji Mohd. Nor
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) / *Deputy Director General (Development)*

04 Encik Misroni bin Sulaiman
Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat / *Director of Corporate Communication Division*

05 Encik Zainal Abidin bin Che Pa'
Pengarah Institut Kraf Negara / *Director of National Craft Institute*
(sehingga 20 Oktober 2011) / *(until 20 October 2011)*

06 Puan Hajah Zuraida binti Mokhtar
Pengarah Institut Kraf Negara / *Director of National Craft Institute*
(mulai 20 Oktober 2011) / *(since 20 October 2011)*

07 Puan Hajah Zuraida binti Mokhtar
Pengarah Bahagian Strategi Korporat / *Director of Corporate Strategy Division*
(sehingga 20 Oktober 2011) / *(until 20 October 2011)*

08 Puan 'Ainu Sham binti Haji Ramli
Pengarah Bahagian Strategi Korporat / *Director of Corporate Strategy Division*
(mulai 20 Oktober 2011) / *(since 20 October 2011)*

09 Encik Bhasri bin Othman
Pengarah Bahagian Kewangan dan Pembangunan / *Director of Finance and Development Division*

10 Tuan Haji Mohd. Mokhtar bin Lop Ahmad
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan / *Director of Management Services Division*

11 Encik Ibrahim bin Ismail
Pengarah Bahagian Usahawan / *Director of Entrepreneur Division*

12 Encik Yusak bin Haji Mahamud
Pengarah Bahagian Rekaan / *Director of Design Division*

13 Puan Faezah binti Abd. Aziz
Pengarah Bahagian Pasaran dan Promosi / *Director of Marketing & Promotion Division*

14 Puan 'Ainu Sham binti Haji Ramli
Pengarah Bahagian Pemuliharaan / *Director of Restoration Division*
(sehingga 20 Oktober 2011) / *(until 20 October 2011)*

15 Encik Zainal Abidin bin Che Pa'
Pengarah Bahagian Pemuliharaan / *Director of Restoration Division*
(mulai 20 Oktober 2011) / *(since 20 October 2011)*

16 Encik Kamaruzaman bin Idris
Pengarah Bahagian Teknikal / *Director of Technical Division*

17 Encik Ahzarisham bin Ahmad @ Sail
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat / *Director of Information Technology Division*

18 Encik Nordin bin Mustafa
Pengarah Bahagian Audit Dalam / *Director of Internal Audit Division*

Carta Organisasi
Organisation Chart



Songket / *Songket*



Carta Organisasi | *Organisation Chart*

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Tahun 2011
Malaysian Handicraft Development Corporation Year 2011

KRAFTANGAN MALAYSIA

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
Ministry of Information Communications and Culture

Lembaga Pengarah
Board of Directors

Ketua Pengarah
Director General

Anak Syarikat
Subsidiary Companies
- Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn Bhd
- Kraf Holdings Sdn Bhd

Bahagian Audit Dalam
Internal Audit Division
- Unit Audit Kewangan
  Financial Audit Unit
- Unit Audit Pengurusan
  Management Audit Unit

Bahagian Komunikasi Korporat
Corporate Communication Division
- Unit Publisiti Media
  Media Publicity Unit
- Unit Pengiklanan Dan Penerbitan Media
  Advertising and Media Publication Unit
- Unit Komunikasi Korporat Dan Khidmat Pelanggan
  Corporate Communication and Customer Service Unit

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Deputy Director General (Development)

Bahagian Rekaan
Design Division
- Unit Rekaan Produk
  Product Design Unit
- Unit Hiasan Dalaman
  Interior Design Unit
- Pusat Rekaan
  Design Centre

Bahagian Pasaran & Promosi
Marketing & Promotion Division
- Unit Promosi Domestik
  Domestic Promotion Unit
- Unit Pembangunan Perniagaan
  Business Development Unit
- Unit Promosi Antarabangsa
  International Promotion Unit

Bahagian Teknikal
Technical Division
- Unit Kajian Teknikal & Kawalan Mutu
  Technical & Quality Control Research Unit
- Unit Kajian Bahan & Pembangunan Standard
  Material Research & Standard Development Unit

Bahagian Usahawan
Entrepreneur Division
- Unit Pembangunan Usahawan
  Entrepreneur Development Unit
- Unit Warisan dan Inkubator
  Heritage and Incubator Unit

Bahagian Pemuliharaan
Restoration Division
- Unit Pemuliharaan
  Restoration Unit
- Muzium Kraf
  Craft Museum
- Unit Dokumentasi
  Documentation Unit

Cawangan Negeri
State Branches
- Kelantan
- Terengganu
- Pahang
- Perak
- Sabah
- Sarawak
- Kedah
- Kompleks Kraf Langkawi
  Langkawi Craft Complex
- Johor / *Johore*
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka / *Malacca*
- Pulau Pinang / *Penang*
- Perlis

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Deputy Director General (Operation)

Bahagian Khidmat Pengurusan
Management Services Division
- Unit Pentadbiran
  Administration Unit
- Unit Pengurusan Sumber Manusia
  Human Resource Management Unit

Bahagian Kewangan & Pembangunan
Finance & Development Division
- Unit Kewangan
  Finance Unit
- Unit Pembangunan
  Development Unit
- Unit Perolehan
  Procurement Unit

Bahagian Strategi Korporat
Corporate Division
- Unit Perancangan Strategik
  Strategic Planning Unit
- Unit Kajian Industri Kraf
  Craft Industry Research Unit
- Unit Perhubungan Antarabangsa
  International Relation Unit

Bahagian Teknologi Maklumat
Information Technology Division
- Unit Pembangunan & Pengkalan Data
  Database & Development Unit
- Unit Multimedia & Portal
  Multimedia & Portal Unit
- Unit Rangkaian & Operasi
  Network & Operation Unit

Institut Kraf Negara
National Craft Institute
- Unit Akademik & Kemahiran Kraf
  Academic & Craft Skill Unit
- Unit Pengurusan Perkhidmatan
  Management Services Unit
- Unit Hal Ehwal Pelajar
  Student Affairs Unit
- Unit Pengurusan Maklumat
  Information Management Unit

Perjawatan
Personnel



Rotan / *Rattan*



Perjawatan

Pada tahun 2011, Kraftangan Malaysia telah membuat pengisian sebanyak 717 jawatan daripada 757 jawatan yang diluluskan. Ini merupakan usaha untuk memantapkan jentera Kraftangan Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab sepertimana termaktub dalam Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979. **Jadual 1** menunjukkan kedudukan pengisian jawatan sehingga 31 Disember 2011.

Personnel

For the year 2011, Malaysian Handicraft has fulfilled 717 positions from the 757 positions approved. It is part of a continuous effort to further strengthen the workforce that will enable Malaysian Handicraft to execute its responsibilities as stipulated within Act 222, Malaysian Handicraft Development Corporation Act 1979. ***Table 1*** *shows the positions filled in until 31 December 2011.*

Jadual 1 **Kedudukan Pengisian Jawatan**
Table 1 ***Positions In The Establishment***

Bil. *No.*	Kumpulan / Kategori *Group/Categories*	Jumlah Jawatan *Total Position*	Jawatan Diisi *Total Filled*	Jawatan Kosong *Vacany*
1	Pengurusan Tertinggi *Senior Management*	3	3	0
2	Pengurusan & Profesional *Management & Professionals*	123	107	16
3	Sokongan I (Gred 27 Hingga 32) *Support Group I (Grade 27 to 32)*	183	176	7
4	Sokongan I (Gred 17 Hingga 22) *Support Group I (Grade 17 to 22)*	383	371	12
5	Sokongan II (Gred 1 Hingga 16) *Support Group II (Grade 1 to 16)*	65	60	5
	Jumlah / ***Total***	**757**	**717**	**40**

Kraftangan Malaysia sentiasa memberi penekanan agar anggota kerjanya mengikuti program latihan secara berterusan sama ada di peringkat dalaman atau luaran. Ia penting untuk mempertingkatkan prestasi dan kualiti kerja, pengetahuan dan pembinaan jati diri dalam menghasilkan perkhidmatan yang terbaik. Pada tahun 2011, sebanyak 206 latihan/bengkel/seminar/kursus dalam pelbagai bidang seperti pengurusan dan kepimpinan, kewangan dan teknikal/ICT telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 1,141 orang dari kumpulan pengurusan dan professional serta sokongan. Bilangan kurus/latihan yang telah dilaksanakan dan disertai pada tahun 2011 seperti di **Jadual 2.**

*Malaysian Handicraft gives emphasis for its personnel to continuously participate in training programs whether it is an internal or external training program. This is critical as it will elevate work quality and performance, increase knowledge and foster character building enabling the generation of outstanding service delivery. In year 2011, a total of 206 training/workshop/seminar/courses held in various fields such as management and leadership, financial and technical/ICT have been conducted benefitting a total of 1,141 personnel from the management, professional and support group. The number of courses/training conducted and participations for the year 2011 is described in **Table 2**.*

Jadual 2 **Bilangan Kursus Yang Dilaksanakan Dan Penyertaan Tahun 2011**
Table 2 ***Number of Courses Conducted and Participants for the Year 2011***

Bil *No.*	Kategori Kursus *Courses Category*	Bilangan Kursus *No. of Courses*	Bilangan Peserta/Kumpulan *Number of Participants/Group*			Jumlah *Total*
			Pengurusan & Profesional *Management & Profesionals*	Sokongan I *Support Group 1*	Sokongan II *Support Group 2*	
1.	Pengurusan & Kepimpinan *Management & Leadership*	162	236	230	429	895
2.	Kewangan *Finance*	8	24	80	10	114
3.	Teknikal/ICT *Technical/ICT*	36	61	42	29	132
	Jumlah / *Total*	**206**	**321**	**352**	**468**	**1,141**

Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan

Management and Development Expenditures



Ukiran Kayu / *Wood Carving*

Perbelanjaan Mengurus

Management Expenditure

Kraftangan Malaysia telah menerima peruntukan belanja mengurus (geran) sebanyak RM41,939,900.00. Sehingga 31 Disember 2011, keseluruhan peruntukan geran mengurus telah dibelanjakan sebanyak 100 peratus. Sumber dalaman sebanyak RM825,675.00 telah digunakan bagi membiayai kekurangan peruntukan belanja mengurus. Prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus seperti di **Carta 1**.

For the year 2011, Malaysian Handicraft has received management expenditure allocation (grant) in total of RM41,939,900.00. As of 31 December, 2011, the entire allocation has been fully utilised up to 100 percent. Internal funding amounting to RM825,675.00 has been used to finance the budget shortages. ***Chart 1*** *shows the performance of the management expenditure.*

Carta 1 **Perbelanjaan Peruntukan Mengurus**
Chart 1 ***Management Allocation Expenditure***





Perbelanjaan Pembangunan

Development Expenditure

Kraftangan Malaysia telah menerima peruntukan belanja pembangunan (geran) sebanyak RM13,924,100.00 untuk melaksanakan dua (2) program pembangunan iaitu Pemasaran Kraf dan Pembangunan Kemahiran Kraf. Sehingga 31 Disember 2011, keseluruhan peruntukan telah dibelanjakan (100 peratus). Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan seperti di **Carta 2**.

The Malaysian Handicraft Development has received development allocation (grants) of RM13,924,100.00 to implement two (2) development programmes namely the Craft Marketing and Craft Skills Development. As of December 31 2011, the entire allocated budget has been fully utilised (100 percent). ***Chart 2*** *shows the performance of the allocated development expenditure.*

Carta 2 **Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan**
Chart 2 ***Development Allocation Expenditure***



Ringkasan Prestasi Program Pembangunan

Development Programme Performance Summary



Dastar / *Dastar*



Kraftangan Malaysia telah memberi penumpuan kepada lima program pembangunan pada tahun 2011 iaitu Pemasaran Kraf, Pembangunan Usahawan Kraf, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pembangunan Kemahiran Kraf (Institut Kraf Negara) dan Pemuliharaan Kraf. Selain itu, Kraftangan Malaysia turut memantau prestasi dua buah anak syarikatnya iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) dan Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings). Berikut adalah ringkasan prestasi program-program tersebut:

i. Program Pemasaran Kraf memberi penekanan kepada aktiviti pemasaran dan promosi peringkat domestik dan antarabangsa bertujuan memperluaskan saiz pasaran produk kraf tempatan. Sebanyak 252 aktiviti pemasaran dan promosi peringkat domestik serta antarabangsa telah dilaksanakan pada tahun 2011. Melalui aktiviti yang diusahakan oleh Kraftangan Malaysia ini, nilai jualan kraf yang diperoleh adalah sebanyak RM143,544,003.86 dan melibatkan seramai 2,384 orang usahawan kraf.

ii. Program Penyelidikan dan Pembangunan memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan produk serta rekaan. Sebanyak 5,927 rekaan produk baru telah dihasilkan, di mana sebanyak 825 rekaan telah dikomersilkan sepanjang tahun 2011. Produk ini telah diuji pasar semasa Hari Kraf Kebangsaan dan juga promosi bertema yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia. Bagi membantu usahawan kraf meningkatkan produktiviti pengeluaran, Kraftangan Malaysia melaksanakan aktiviti kajian teknologi/ fabrikasi seperti Projek Loji Rawatan Kumbahan Sisa Batik bagi membantu mengatasi masalah pembuangan sisa kumbahan batik dan bahan kimia yang boleh menjejaskan alam sekitar. Selain itu, Mesin Pelelas Dua Permukaan *(Double Sender Machine)* diperkenalkan untuk mempercepatkan proses pembuatan kotak kayu.

Malaysian Handicraft has focused on the implementation of five major development programmes in 2011, they are Craft Marketing, Craft Entrepreneur Development, Research & Development (R&D), Craft Skilled Development (National Craft Institute) and Craft Restoration. In addition, Malaysian Handicraft is also responsible to monitor the performances of two subsidiary companies namely Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) and Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings). The following is the summary of the various programme performances:

i. The Craft Marketing Programme emphasises on marketing and promotion activities at domestic and international level to expand our local craft market size. In 2011, total of 252 marketing and promotions activities have been held in the domestic and international level in which the sales value of RM143,544,003.86 has been achieved by involving the participations of 2,384 craft entrepreneurs.

ii. The Research and Development Programme focused on design and product development. A total of 5,927 new product designs were produced, in which 825 of these designs were commercialised throughout 2011. The products were market tested during the National Craft Day and through themed promotional campaigns organised by Malaysian Handicraft. To further assist craft entrepreneurs increase their productivity output, Malaysian Handicraft has embarked on several technology/fabrication research activities such as the Batik Waste Sewage Treatment Plant Project that aims to solve batik waste disposal issues and address the problem of harmful chemicals that could harm the environment. In addition, the use of a Double Sender Machine (Mesin Pelelas Dua Permukaan) has been introduced to help accelerate the process of making wooden boxes.



iii. Program Pembangunan Usahawan Kraf tertumpu kepada 2 aktiviti utama iaitu Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan Pembangunan Usahawan kategori Mikro, Kecil dan Sederhana (MKS), Usahawan Muda (Inkubator) serta Perantisan Kraf Warisan dan Orang Asli. Sebanyak 79 program SDSI telah dibangunkan di 51 buah daerah yang melibatkan seramai 725 orang usahawan dan 3,680 orang tenaga kerja. Manakala usahawan kraf di bawah program MKS, Inkubator dan Perantisan Kraf Warisan dan Orang Asli ialah seramai 369 orang dengan jumlah tenaga kerja seramai 1,284 orang. Mereka diberi bimbingan dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran dan kualiti produk menerusi aktiviti Bimbingan Teknikal dan Orientasi Pengeluaran.

iv. Pembangunan Kemahiran Kraf merupakan Kursus Akademik dan Kemahiran Kraf peringkat Sijil dan Diploma dalam jurusan batik, tenunan, logam, kayu, seramik dan rotan yang ditawarkan di Institut Kraf Negara (IKN). Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti pengajian di IKN ialah seramai 382 orang iaitu 260 orang pelajar peringkat Diploma dan 122 orang pelajar peringkat Sijil. Seramai 159 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian iaitu 61 orang pelajar peringkat Sijil dan 98 orang pelajar peringkat Diploma. Daripada jumlah tersebut, seramai 118 orang (77 peratus) telah menceburi dalam industri kraf.

v. Program Pemuliharaan Kraf memberi tumpuan kepada usaha mengekal dan mengembangkan seni kraf warisan negara melalui aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dalam bentuk pengiktirafan tokoh (Adiguru Kraf dan Tokoh Kraf Negara), penyelidikan dan dokumentasi, pameran serta pendidikan kraf. Pada tahun 2011, terdapat seramai 25 orang Adiguru Kraf di mana seorang daripadanya iaitu Adiguru Kraf Pertukangan Perak telah dianugerahkan sebagai Tokoh Kraf Negara 2011. Di samping itu, sebanyak 338 aktiviti interaktif/pendidikan kraf dengan penglibatan seramai 30,614 orang peserta telah diadakan dan sebanyak 2 penyelidikan telah dijalankan iaitu Penyelidikan Kraf Batik serta Kraf Pertukangan Perak. Kraftangan Malaysia juga telah mengadakan sebanyak 2 Pameran Bertema di Muzium Kraf Kuala Lumpur.

iii. The Craft Entrepreneur Development Programme gave emphasis on 2 main activities namely the One District One Industry (ODOI) and the Development of Entrepreneurs under category of Micro, Small and Medium, Young Entrepreneurs Development (Incubator) and Heritage and Aborigines' Craft Development. A total of 79 ODOI Programmes has been developed encompassing 51 districts involving a total of 725 entrepreneurs and 3,680 workforces. While the craft entrepreneurs programme under Micro, Small and Medium, Incubator and Heritage and Aborigines' Craft Development activities enrolled a total of 369 participants with a total of workforce of 1,284 people. They were provided with key guidance that will enable them to increase product quality and output through Technical Assistance and Production Orientation activities.

iv. The Craft Skills Development Programme offers Craft Skills and Academic Courses for Certificate and Diploma level in the field of batik, weaving, metal, wood, ceramic and rattan conducted by the National Craft Institute (NCI). In 2011, the total number of students studying in NCI stands at 382 students with 260 students enrolling in the Diploma courses while the remaining 122 students enrolled in the Certificate courses. A total of 159 students graduated; in which 61 students earned their Certificate and 98 students earned their Diploma. From the entire figure, a total of 118 students (77 percent) are now involved in the craft industry.

v. The Craft Restoration Programme concentrated on the effort to preserve and expand the national heritage craftsmanship through conservation and restoration activities in the form of recognition of prominent figure (Craft Adiguru and National Master Craftsman Award), research and documentary, exhibition and craft education. In 2011, a total of 25 Craft Adiguru (Master) in which one of them, that is the Silver Craft Adiguru has been conferred the National Master Craftsman Award 2011. In addition, a total of 338 interactive/education craft activities were conducted attracting a total number of 30,164 participants and 2 research activities were also held namely Research on Batik Craft and Research on Silver Craft. Malaysian Handicraft also conducted 2 Themed Exhibitions held in Kuala Lumpur Craft Museum.

Aktiviti pembangunan
Development activities











vi. Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) dan Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings) adalah anak syarikat Kraftangan Malaysia. Karyaneka yang berperanan memasarkan produk kraf Malaysia di pasaran domestik dan antarabangsa telah meraih jualan sebanyak RM17,001,220.25 pada tahun 2011. Manakala Kraf Holdings pula yang berperanan mengeluarkan produk kraf batik secara eksklusif telah berjaya memperoleh jualan sebanyak RM1,474,671.00.

vi. Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) and Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings) are subsidiaries of Malaysian Handicraft. Karyaneka's role to market Malaysian craft products to the domestic and international market has been able to garner sales amounting to RM17,001,220.25 in 2011. Meanwhile, Kraf Holdings which focused on manufacturing exclusive batik products and has successfully gained sales total of RM1,474,671.00.

Aktiviti jualan semasa Hari Kraf Kebangsaan 2011
Sales activities during National Craft Day Celebration 2011



Prestasi Program Pembangunan
Development Programme Performance



Seramik / *Ceramic*

Program Pemasaran Kraf

Program Pemasaran Kraf merupakan salah satu usaha Kraftangan Malaysia memperluas pasaran dan meningkatkan nilai jualan produk kraf tempatan di peringkat domestik serta antarabangsa. Ia selaras dengan misi Kraftangan Malaysia untuk mengkomersilkan kraf tempatan melalui pembangunan pasaran, usahawan dan produk.

Pemasaran dan Promosi Domestik

Pada tahun 2011, sebanyak 245 aktiviti promosi telah dijalankan dengan penyertaan seramai 3,134 orang usahawan melalui aktiviti promosi bertema, promosi di pusat beli-belah, pameran perdagangan, promosi di peringkat negeri dan acara khas yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia. Sebanyak RM41,857,346.15 telah berjaya diperoleh daripada aktiviti tersebut. Ringkasan pencapaian aktiviti pemasaran dan promosi domestik adalah seperti di **Jadual 1** dan senarai terperinci aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.**

Craft Marketing Programme

The Craft Marketing Programme is one of the Malaysian Handicraft initiatives to further expand its market and increase sales of local craft products in domestic and international levels. It is in line with the Malaysian Handicraft's mission to commercialise local crafts through market, entrepreneur and product development.

Domestic Marketing and Promotions

*In 2011, a total of 245 promotional activities were undertaken with the participation of 3,134 entrepreneurs through the implementation of themed promotional activities, in-store promotions, trade fairs, state level promotions and special event promotions organised by the Malaysian Handicraft. A total RM41,857,346.15 was gained from these activities. The perfomance of the domestic marketing and promotional activities is as stated in **Table 1** and details of the activities are listed in **Table 2**.*

Jadual 1 **Pencapaian Aktiviti Pemasaran dan Promosi Domestik**
Table 1 ***Perfomance of Domestic Marketing and Promotion Activities***

Aktiviti *Activities*	**Bil. Aktiviti Promosi** *No. of Promotional Activities*	**Bil. Penyertaan Usahawan** *No. of Entrepreneurs Participation*	**Nilai Jualan (RM)** *Sales Value (RM)*
Promosi Bertema *Themed Promotions*	3	882	29,659,764.60
Promosi di Pusat Beli-belah *In-Store Promotions*	13	361	3,596,512.80
Pameran Perdagangan *Trade Fairs*	2	22	484,750.30
Promosi Kraf Malaysia *Malaysian Craft Promotions*	5	486	5,589,640.10
Promosi Acara Khas *Special Event Promotions*	7	62	12,705.75
Promosi Peringkat Negeri *State Level Promotions*	215	1,321	2,513,972.60
Jumlah ***Total***	**245**	**3,134**	**41,857,346.15**



Jadual 2 **Senarai Terperinci Aktiviti Pemasaran dan Promosi Domestik**
Table 2 ***Detailed Domestic Marketing and Promotion Activities***

Bil. *No.*	**Aktiviti/Tempat /Tarikh** *Activities/Venue/Date*	**Bil. Hari** *No. of Days*	**Bil. Penyertaan Usahawan** *No. of Entrepreneurs Participation*	**Nilai Jualan (RM)** *Sales Value (RM)*
	A. Promosi Bertema / *Themed Promotions*			
1.	Hari Kraf Kebangsaan 2011 Kompleks Kraf Kuala Lumpur *National Craft Day 2011* *Kuala Lumpur Craft Complex* (23 Februari / *February* - 7 Mac / *March* 2011)	14	468	19,216,917.40
2.	Promosi Kerja Kahwin 2011 Kompleks Kraf Kuala Lumpur *Wedding Works Promotion 2011* *Kuala Lumpur Craft Complex* (26 Mei / *May*- 6 Jun / *June* 2011)	12	246	9,381,099.95
3.	Promosi Kraf Aidilfitri 2011 Kompleks Kraf Kuala Lumpur *Eid Mubarak Craft Promotion 2011* *Kuala Lumpur Craft Complex* (22 - 31 Julai / *July* 2011)	10	168	1,061,747.25
	Jumlah A / *Total A*	**36**	**882**	**29,659,746.60**
	B. Promosi Pusat Beli-Belah / *In-Store Promotions*			
1.	Promosi Kraf di One Utama Petaling Jaya, Selangor *Craft Promotion at One Utama* *Petaling Jaya, Selangor* (16 - 20 Mac / *March* 2011)	5	14	57,760.00
2.	Promosi Kraf di AEON Bukit Raja, Klang, Selangor *Craft Promotion at AEON Bukit Raja,* *Klang, Selangor* (18 Mac / *March* - 3 April 2011)	17	26	439,480.20
3.	Promosi Kraf di AEON di Great Eastern Mall, Kuala Lumpur *Craft Promotion at AEON Great Eastern Mall,* *Kuala Lumpur* (24 Mac/ *March* - 3 April 2011)	11	21	467,292.75
4.	Promosi Kraf di AEON di Cheras Selatan, Kuala Lumpur *Craft Promotion at AEON Cheras Selatan,* *Kuala Lumpur* (5 - 17 April 2011)	13	16	249,830.80
5.	Promosi Kraf di AEON di Taiping Sentral, Perak *Craft Promotion at AEON Taiping Sentral, Perak* (24 Jun / *June* - 3 Julai / *July* 2011)	10	30	167,882.00





Promosi Kraf Malaysia
Malaysian Craft Promotion

Bil. *No.*	Aktiviti/Tempat /Tarikh *Activities/Venue/Date*	Bil. Hari *No. Of Days*	Bil. Penyertaan Usahawan *No. of Entrepreneurs Participation*	Nilai Jualan (RM) *Sales Value (RM)*
6.	Promosi Kraf di Alpha Angle Wangsa Maju, Kuala Lumpur *Craft Promotion at Alpha Angle Wangsa Maju, Kuala Lumpur* (28 Jun / *June* - 3 Julai *July* 2011)	6	24	214,254.70
7.	Promosi Kraf di AEON di Seremban 2, Negeri Sembilan *Craft Promotion at AEON Seremban 2, Negeri Sembilan* (12 - 17 Julai / *July* 2011)	6	20	132,171.50
8.	Promosi Kraf di AEON di Seberang Prai, Pulau Pinang *Craft Promotion at AEON Seberang Prai, Pulau Pinang* (26 - 31 Julai / *July* 2011)	6	14	34,435.80
9.	Promosi Kraf di AEON Seremban 2, Negeri Sembilan *Craft Promotion at AEON Seremban 2, Negeri Sembilan* (1 - 27 Ogos / *August* 2011)	27	34	739,309.70
10.	Promosi Kraf di Sunway Pyramid, Kuala Lumpur *Craft Promotion at Sunway Pyramid, Kuala Lumpur* (30 Julai / *July*- 28 Ogos/ *August* 2011)	30	26	188,029.70
11.	Promosi Kraf di Lagenda Village Mall, Sungai Petani, Kedah *Craft Promotion at Lagenda Village Mall, Sungai Petani, Kedah* (25 - 30 Oktober / *October* 2011)	6	29	94,693.50
12.	Promosi Kraf di East Coast Mall Kuantan, Pahang *Craft Promotion at East Coast Mall Kuantan, Pahang* (27 - 31 Oktober / *October* 2011)	5	53	496,369.70
13.	Promosi Kraf di 1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah *Craft Promotion at 1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah* (24 - 29 November 2011)	6	54	315,062.45
	Jumlah B / *Total B*	**148**	**361**	**3,596,512.80**



Bil. *No.*	Aktiviti/Tempat /Tarikh *Activities/Venue/Date*	Bil. Hari *No. Of Days*	Bil. Penyertaan Usahawan *No. of Entrepreneurs Participation*	Nilai Jualan (RM) *Sales Value (RM)*
	C. Pameran Perdagangan / ***Trade Fairs***			
1	Ekspo Beli Barangan Malaysia 2011, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan *Buy Malaysian Good Exposition 2011, Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism* (25 -29 Mei / *May* 2011)	5	12	64,901.30
2.	Pameran Perdagangan KLIGP PWTC, Kuala Lumpur *Kuala Lumpur International Gift and Premium Fair (KLIGP 2011) PWTC, Kuala Lumpur* (15 -17 Jun / *June* 2011)	3	10	419,849.00
	Jumlah C / *Total C*	**8**	**22**	**484,750.30**
	D. Promosi Acara Khas / ***Special Event Promotions***			
Aktiviti pembangunan produk bertujuan untuk mempelbagaikan keluaran produk kraf baru mengikut segmen pasaran. Aktiviti ini dilakukan melalui Makmal Reka Bentuk dengan kerjasama usahawan dalam pelbagai bidang kraf iaitu tekstil, logam, seramik dan hasil rimba bagi meningkatkan kualiti rekaan dan penghasilan produk kraf untuk pasaran domestik dan eksport. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 5,927 rekaan dihasilkan oleh pereka dalaman Kraftangan Malaysia dengan kerjasama usahawan kraf dan sebanyak 825 daripada rekaan tersebut telah dikomersilkan. Rekaan yang dihasilkan dibuat prototaip dengan penglibatan seramai 573 orang usahawan kraf. Bilangan rekaan produk baru dan rekaan yang dikomersilkan mengikut bidang kraf adalah seperti di **Jadual 13**.

Research And Development Programme (R&D)

The Research and Development programme emphasised on activities related to product development, technology research, materials research and IT application in the designing process of a craft product. This is one of Malaysian Handicraft main programmes that aims to produce high quality and competitive craft products that caters to the domestic and international market demand.

Product Development

*The product development activities aim to diversify the new craft product line according to its market segment. This activities are conducted in the Design Laboratory in collaboration with craft entrepreneurs from various craft categories namely textile, metal-based, earth-based and forest-based craft in order to enhance the craft product's design and production quality fulfilling the demand for domestic and export market. Throughout 2011, a total of 5,927 new designs were produced by Malaysian Handicraft designers in which 825 of these designs have been commercialised. These designs were made into prototypes involving 573 craft entrepreneurs. The number of new product designs and designs that have been commercialised according to its craft categories are as shown in **Table 13**.*



Jadual 13 **Bilangan Rekaan Produk Baru dan Rekaan Yang Dikomersilkan Mengikut Bidang Kraf**
Table 13 ***Number of New Product Design and Designs Commercialised By Craft Categories***

Bil. *No.*	Bidang *Categories*	Bilangan Rekaan Baru *Number of New Designs*	Bilangan Rekaan Dikomersilkan *Designs Commercialised*
1.	Tekstil / *Textile*	2,125	317
2.	Seramik / *Earth-Based*	1,183	162
3.	Hasil Logam / *Metal Based*	945	63
4.	Hasil Rimba / *Forest Based*	1,674	283
Jumlah / *Total*		**5,927**	**825**

Kraftangan Malaysia turut menghasilkan rekaan fesyen daripada kraf tekstil tempatan iaitu batik, tenunan dan songket. Pada tahun 2011, Kraftangan Malaysia telah menganjur dan menyertai pelbagai aktiviti peragaan fesyen seperti Peragaan Fesyen Hari Kraf Kebangsaan (HKK), Peragaan Fesyen Royal House Negeri Sembilan, Peragaan Fesyen Malam Tenun Diraja Pahang, Peragaan Fesyen Sempena Festival Kuala Lumpur, Peragaan Fesyen Sempena Pertandingan Batik dan Miss Tourism International 2011 World Final serta beberapa lagi pertunjukan fesyen. Penyertaan Kraftangan Malaysia di dalam aktiviti peragaan fesyen mengikut tarikh, tempat dan bilangan koleksi adalah seperti di **Jadual 14**.

*Malaysian Handicraft also produces fashion designs from local craft textile such as batik, woven fabric and songket. In 2011, Malaysian Handicraft organised and participated in various fashion shows activities such as the National Craft Day Fashion Show, Royal House Negeri Sembilan Fashion Show, Royal Pahang Weaving Night Fashion Show, Fashion Show in conjunction with the Kuala Lumpur Festival, Fashion Show in conjunction with Batik Competition and Miss Tourism International 2011 World Final and several other fashion shows. Malaysian Handicraft participation in fashion shows according to its date, venue and number of collection is shown in **Table 14**.*

Jadual 14 Penyertaan Kraftangan Malaysia Di Dalam Pertunjukan Fesyen Tahun 2011
Table 14 Malaysian Handicraft Participation in Fashion Shows for year 2011

Bil. *No.*	Aktiviti/Program *Activities/Programmes*	Tarikh *Date*	Tempat *Venue*	Bil. Koleksi *No. of Collection*
1.	Peragaan Fesyen 'Royal House Negeri Sembilan' *'Royal House Negeri Sembilan' Fashion Show*	24 Feb 2011	Hotel Royal Chulan KL *Royale Chulan Hotel KL*	20 Pasang (Batik/ Tenun/ Songket) *20 Pairs (Batik/Woven Fabric/ Songket)*
2.	Peragaan Fesyen Sempena HKK 2011 *Fashion Show in Conjunction with HKK 2011*	4,5,6 Mac/*March* 2011	Laman Wau Kompleks Kraf KL *Laman Wau KL Craft Complex*	150 Pasang (Batik/ Tenun/ Songket) *150 Pairs (Batik/ Woven Fabric/ Songket)*
3.	Malam Amal Diabetes *Diabetes Charity Night*	5 Mac/*March* 2011	Hotel Concorde *Concorde Hotel*	16 helai (Batik & Songket) *16 pieces (Batik & Songket)*
4.	Peragaan Fesyen Sempena Belilah Barangan Buatan Malaysia *Fashion Show in Conjunction with Buy Malaysian Made Product Campaign*	28 Mei/*May* 2011	PWTC Kuala Lumpur	24 Pasang(Batik/ Tenun/ Songket) *24 Pairs (Batik/Woven Fabric/ Songket)*
5.	Peragaan Busana Sempena Majlis Sepetang Bersama Seniman *Fashion Show in Conjunction with An Evening with Artiste Event*	29 Mei/*May* 2011	Amfiteater, Kompleks Kraf KL *Amphitheatre,KL Craft Complex*	13 helai (Batik & Songket) *13 pieces (Batik & Songket)*
6.	Malam Tenun Pahang DiRaja 2011 *Royal Pahang Weaving Night Fashion Show 2011*	21 Jun/*June* 2011	Istana Sultan Pahang *Palace of the Sultan of Pahang*	16 Pasang (Tenun/ Songket) *16 Pairs (Woven Fabric/ Songket)*

Peragaan Kraf Tekstil
Craft Textile Fashion Show







Bil. *No.*	Aktiviti/Program *Activities/Programmes*	Tarikh *Date*	Tempat *Venue*	Bil. Koleksi *No. of Collection*
7.	Peragaan Fesyen Sempena Festival Kuala Lumpur *Fashion Show in Conjunction with Kuala Lumpur Festival*	25 Jun/*June* 2011	Menara Kuala Lumpur *Kuala Lumpur Tower*	10 Pasang (Batik) *10 Pairs (Batik)*
8.	Peragaan Fesyen Sempena Akspersi Seni Kuala Lumpur *Fashion Show in Conjunction with Kuala Lumpur Art Appreciation*	16 Julai/*July* 2011	Bukit Bintang Kuala Lumpur	10 Pasang (Batik) *10 Pairs (Batik)*
9.	Peragaan Fesyen Sempena Program Kebudayaan Kumpulan Pendidikan Lagenda *Fashion Show in Conjunction with Lagenda Educational Group Cultural Program*	21 Julai/*July* 2011	Kolej Universiti Lagenda Mantin Negeri Sembilan *Kolej Universiti Lagenda Mantin Negeri Sembilan*	13 Pasang (Songket) *13 Pairs (Songket)*
10.	Peragaan Fesyen Sempena Pameran Asian China *Fashion Show in Conjunction with Asian China Exhibition*	15 Oktober/ *October* 2011	Changqing, China	8 Pasang (Songket) *8 Pairs (Songket)*
11.	Peragaan Fesyen Sempena Malam Mesra Media *Fashion Show in Conjunction with Media Get Together Night*	22 November 2011	Laman Wau Kompleks Kraf KL *Laman Wau KL Craft Complex*	23 Pasang (Batik/ Tenun/ Songket) *23 Pairs (Batik/Woven Fabric/ Songket)*
12.	Detik hitungan Jamuan Negara & Perarakan Di Raja Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan SPB yang DiPertuan Agong XIII Dan SPB Raja Permaisuri Agong *National Countdown Banquet & Royal Procession in Conjunction with the Expiration of the SPB yang DiPertuan Agong XIII and SPB Raja Permaisuri Agong Ruling*	10 Disember/ *December* 2011	Istana Negara,Jalan Duta	8 pasang (Songket) *8 pairs (Songket)*
13.	Peragaan Sempena Promosi Kraf Malaysia 2011 *Fashion Show in Conjunction with Craft Malaysia Promotions 2011*	18 Disember/ *December* 2011	Plaza Angsana Johor	20 rekaan kasual (Perempuan) 16 rekaan kasual (Lelaki) *20 casual designs (Ladies) 16 Casual Designs (Men)*
14.	Peragaan Fesyen Sempena Pertandingan Batik Dan Fesyen Miss Tourism International 2011 World Final *Fashion Show in Conjunction with Batik Competition and Miss Tourism International 2011 World Final*	22 Disember/ *December* 2011	Laman Wau Kompleks Kraf KL *Laman Wau KL Craft Complex*	54 rekaan pereka luar yang bertanding *54 foreign designers compete in the event*

Aplikasi Teknologi Maklumat (IT) Dalam Pembangunan Reka Cipta Kraf

Kraftangan Malaysia telah mewujudkan pangkalan data rekaan yang menyimpan imej dan hasil reka cipta produk yang dihasilkan oleh pereka Kraftangan Malaysia. Pada tahun 2011, sebanyak 530 gambar rekaan produk kraf telah dimasukkan dalam sistem E-Rekaan dan menjadikan keseluruhan sebanyak 5,833 rekaan produk kraf di dalam bank rekaan di Pusat Rekaan Kraf.

Information Technology (IT) Application in the Development of Craft Design

Malaysian Handicraft has created a database for all the designs produced. The database stores images and designs of the final product created by Malaysian Handicraft designers. In 2011, a total of 530 pictures of craft product designs have been uploaded into the E-Design system contributing to the grand total of 5,833 craft product designs made available in the design bank located at the Craft Design Centre.

Kajian Bahan dan Teknologi

Inovasi atau ide baru dalam aspek penghasilan produk kraf penting bagi memastikan industri kraf terus berkembang dan memberi pulangan kepada penggiatnya. Pengenalan kepada teknologi baru, penambahbaikan ke atas proses pembuatan yang jimat kos, masa dan tenaga akan meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti penghasilan produk kraf. Justeru, Kraftangan Malaysia sentiasa menjalankan kajian dari segi bahan dan teknologi supaya penambahbaikan dapat dikongsi bersama usahawan dalam membangunkan industri kraf tempatan. Pada tahun 2011, Kraftangan Malaysia telah menjalankan sebanyak 3 kajian teknologi dan 4 kajian bahan sebagaimana tertera di **Jadual 15** dan **Jadual 16**.

Material and Technology Research

*Innovation or new ideas in the creation and production of new craft products becomes a key aspect to ensure that the industry continues to grow and provide substantial return to craft entrepreneurs. Introduction to new technology, enhancement and innovation on manufacturing processes that saves cost, time and resource will further elevate the quality and quantity in the production of craft products. Hence, Malaysian Handicraft is always attentive and continues to conduct research on both materials application and new technology that can further improve the industry and can be shared with the craft entrepreneurs. In 2011, Malaysian Handicraft has in total conducted 3 technology research and 4 material research as shown in **Table 15** and **Table 16**.*





Jadual 15 Kajian Teknologi
Table 15 Technology Research

Bil. *No.*	Bidang *Category*	Kajian Teknologi *Technological Research*
1.	Tekstil (Batik) *Textile (Batik)*	**Sistem Rawatan Kumbahan Batik / *Batik Sewage Treatment System*** Sistem rawatan kumbahan batik ini dibangunkan bagi merawat air kumbahan batik agar memenuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sistem rawatan ini terbahagi kepada tiga proses utama iaitu proses pengudaraan, rawatan pH, dan penapisan menggunakan karbon aktif. *The batik sewage treatment system was developed for the treatment of batik waste water in order to fulfil the guidelines stipulated within the Environmental Quality Regulations, Environmental Quality Act 1974. The system is divided into three main processes that are the aeration, pH treatment and filtration using active carbon.*
2.	Hasil Rimba *Forest-Based Products*	**Mesin Pelelas Dua Permukaan / *Double Sender Machine*** Mesin ini direka bentuk untuk mempercepatkan proses melelas kotak kayu. Mesin ini dapat menjalankan proses melelas pada kedua-dua belah permukaan kotak secara serentak. *The machine is designed to speed up the sanding (polishing) process during the production of wooden box. The machine is able to sand/polish both sides of the wooden box simultaneously.*
3.	Hasil Rimba *Forest-Based Products*	**Mesin Membilah Bemban Bermotor (Jangat Bemban) / *"Jangat Bemban"*** Mesin membilah bemban bermotor ini berfungsi untuk mempercepatkan proses membilah bemban yang dijalankan secara manual sebelum ini. Menerusi mesin ini, penghasilan produk kraf bembam akan dapat dipertingkatkan. *The machine helps to speed up the "bemban" slicing process that was previously conducted manually. With this machine, the production capacity of "bemban" based craft products can be further increased.*

Jadual 16 Kajian Bahan
Table 16 Research on Materials

Bil. *No.*	Bidang *Category*	Kajian Bahan *Research on Materials*
1.	Logam *Metal-Based*	**Kajian komposisi logam tembaga dari skrap / *Research on the composition of copper in scrap*** Analisis terhadap komposisi logam tembaga dari skrap dalam bentuk wayar ini dijalankan bagi mengenal pasti kesesuaian bahan skrap tersebut dalam penghasilan produk tembaga. Hasil kajian mendapati bahan skrap tersebut tidak sesuai digunakan bagi penghasilan kraf tembaga kerana berlaku kehilangan berat yang tinggi semasa proses peleburan. Kehilangan berat tembaga yang tinggi semasa proses peleburan ini akan meningkatkan kos penghasilan produk tembaga. *The analysis conducted on the composition of copper in scrap metal in the form of wire coil was conducted to identify whether the scrap material content is suitable in the production of copper/brass products. The research found that the material content in scrap is not suitable for the production of brassware due to high weight loss that occurred during the melting process. The high weight loss of copper during the melting process will increase the production cost for brassware.*
2.	Batik *Textile (Batik)*	**Kajian pencirian dan rawatan kimia sisa kumbahan batik / *Research on the Characteristic and Chemical Treatment for Batik Waste Water*** Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sifat dan ciri air kumbahan batik dan seterusnya mengenal pasti proses rawatan kimia yang sesuai digunakan bagi merawat air kumbahan tersebut supaya ianya mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekeliling yang ditetapkan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. *This research is conducted to identify the nature and characteristic of batik waste water and identified the appropriate chemical treatment process to treat the waste water in compliance to the Environmental Quality Regulations, Environmental Quality Act 1974.*
3.	Aneka kraf *Various Craft*	**Kajian pemprosesan "Daun Lembar" untuk dijadikan benang / *Research on the Processing of "Daun Lembar" into Thread*** Kajian ini meliputi proses merendam, melurut, menjemur dan memintal serat bemban. Serat bemban yang terhasil ini kemudiannya digunakan untuk penghasilan produk kraf. *This research covers the study on the soaking, stripping, drying and spinning process of fibre made from "bemban". The produced "bemban" fibre is then used as materials for the production of craft products.*
4	Seramik *Earth-Based*	**Panduan penghasilan Seramik Bakar Hitam / *Guidelines for the production of "Seramik Bakar Hitam"*** Menyediakan garis panduan standard untuk penghasilan seramik bakar hitam. Garis panduan meliputi sifat-sifat jasad anum sebelum dibentuk, kaedah menyalai, cara membakar dan suhu pembakaran standard. Penghasilan garis panduan ini dapat mengurangkan kecacatan yang terhasil akibat dari proses pembuatan yang tidak standard. *Preparation and provision of a standard guideline in the production of "Seramik Bakar Hitam". The guidelines cover the nature of matter before it is moulded, the roasting method, burning method and the standard temperature for burning. The production of the guidelines will reduce product defects due to the manufacturing process that is not standardised.*



Pembangunan Standard

Kraftangan Malaysia menggalakkan usahawan kraf menghasilkan produk yang menepati piawaian yang ditetapkan supaya dapat bersaing dalam pasaran di samping mempunyai mutu dan nilai yang tinggi. Ini penting untuk memberi keyakinan kepada para pembeli sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Pada tahun 2011, aktiviti yang dijalankan untuk pembangunan standard ialah Pengujian perabot mengikut STANDARD BS EN:12520:2010. Ujian ini dilakukan bagi menilai kualiti kerusi buluh yang dihasilkan mengikut BS EN:12520:2010 bagi memenuhi keperluan pasaran luar negara yang mewajibkan produk perabot menepati piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya kerusi buluh yang dihantar telah lulus kesemua ujian yang telah dijalankan. Proses pengujian perabot mengikut Standard BS EN:12520:2010 menguji perabot dari segi keselamatan, kekuatan dan ketahanan produk.

Development of Standard

Malaysian Handicraft encourages craft entrepreneurs to produce products that meets the stipulated standard to be competitive in the market. It gives confidence to both the local and international buyers. In 2011, the activities carried out for the development of standard are such as the Furniture Testing according to the BS EN:12520:2010 STANDARD. The test is conducted to evaluate the quality of bamboo chairs that are produced according to the BS EN:12520:2010 standards in order to fulfil the foreign market requirement for furniture products according to the international standards. All the bamboo chairs sent for testing have passed through all the tests conducted. The testing of furniture products according to the BS EN:12520:2010 Standard will evaluate the furniture on the aspect of safety, strength and product durability.

Festival Kraf sempena Hari Kraf Kebangsaan
Craft Festival in conjunction with Hari Kraf Kebangsaan







Majlis Konvokesyen Institut Kraf Negara
National Craft Institute Convocation Event

Program Pembangunan Kemahiran Kraf (Institut Kraf Negara)

Kraftangan Malaysia melalui Institut Kraf Negara (IKN), menyediakan kemudahan pembelajaran ilmu kraf yang berkualiti, merangkumi spektrum pengajian dalam pelbagai bidang kraf seperti seni kraf batik, seni kraf tenunan, seni kraf kayu, seni kraf seramik, seni kraf logam serta seni kraf rotan. Sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kraf, IKN berusaha untuk melahirkan graduan yang berilmu dan berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif serta berketrampilan, bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam industri kraf negara. IKN juga merupakan pusat rujukan penyelidikan serta pemuliharaan kraf warisan negara di samping melahirkan lebih ramai usahawan kraf yang berkemahiran dan berilmu.

Pendidikan di IKN memberi penekanan sebanyak 70% kepada aspek kemahiran dan 30% kepada bidang akademik. Program pengajian secara formal dan berstruktur ini memberi penekanan kepada aspek kemahiran, pengurusan pengeluaran, teknologi maklumat dan komunikasi, pemasaran serta pengeluaran. IKN menawarkan sebanyak 6 program di peringkat sijil dan 6 program di peringkat diploma di bawah 6 jurusan seperti berikut:

Craft Skills Development Programme (National Craft Institute)

Malaysian Handicraft through the National Craft Institute (NCI), provides high quality learning and training programme in various field of craftsmanship such as batik, weaving, wood, ceramic, metal and rattan. As a centre of excellence in craft education, NCI strives to nurture and generate knowledgeable graduates that are highly skilled, creative and innovative and competent, able to fulfil the requirement for skilled workforce in the country's craft industry. NCI also serves as a reference, research and national heritage conservation centre that produces a substantial number of highly skilled and knowledgeable craft entrepreneurs.

The NCI educational strength lies in the development of skills, creativity and talent which emphasised 70% on skills development and 30% on academic. The formal and structured educational programme also focus on skills, manufacturing management, information technology and communication, marketing as well as production. NCI offers 6 programmes for the certificate level and another 6 programmes for the diploma level placed under 6 field of studies as follows:



(i) Seni Kraf Batik
(ii) Seni Kraf Tenunan
(iii) Seni Kraf Kayu
(iv) Seni Kraf Seramik
(v) Seni Kraf Logam
(vi) Seni Kraf Rotan

(i) Batik Craft
(ii) Weaving Craft
(iii) Wood Craft
(iv) Ceramic Craft
(v) Metal Craft
(vi) Rattan Craft

Seramai 172 orang pelajar baru telah mendaftar pada sesi 2011/2012 yang diadakan pada 10 Julai 2011 di IKN. Bilangan pelajar sesi 2011/2012 adalah seramai 382 orang iaitu, 260 orang program diploma dan 122 orang program sijil seperti di **Jadual 17**.

*A total of 172 new students duly enrolled for the 2011/2012 academic session held on 10 July, 2011 at NCI. The total number of students for the 2011/2012 session stands at 382 students with 260 students taking up the diploma programme and another 122 students studying the certification programme are stated in **Table 17**.*

Jadual 17 **Bilangan Pelajar IKN Sesi 2011/2012**
Table 17 ***Number of Students According forTheir Field of Studies***

Program Pengajian *Study Programme*	**Bilangan Pelajar Mengikut Jurusan** *Number of NCI Students for 2011/2012 session*						**Jumlah** *Total*
	Batik *Batik*	**Tenunan** *Weaving*	**Kayu** *Wood*	**Seramik** *Ceramic*	**Logam** *Metal*	**Rotan** *Rattan*	
Sijil *Certificate*	26	11	29	25	19	12	122
Diploma *Diploma*	82	35	46	35	37	25	260
Jumlah ***Total***	**108**	**46**	**75**	**60**	**56**	**37**	**382**

Majlis Konvokesyen IKN yang ke-10 telah diadakan pada 9 November 2011, bertempat di Dewan Cindai, Institut Kraf Negara. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Bilangan pelajar yang telah menamatkan pengajian adalah seramai 159 orang seperti di **Jadual 18**.

*The NCI 10th Convocation event was held on 9 November 2011, at the Cindai Hall, National Craft Institute. The event was officiated by the Honourable Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Minister of Information Communications and Culture. The total number of students who completed their study stands at 159 graduates as shown in **Table 18**.*

Jadual 18 Bilangan Pelajar IKN Yang Telah Tamat Pengajian
Table 18 Number of NCI Students Who Completed Their Studies

Program *Programme*	**Jurusan** *Field of Studies*						**Jumlah** *Total*
	Batik *Batik*	**Tenunan** *Weaving*	**Kayu** *Wood*	**Seramik** *Ceramic*	**Logam** *Metal*	**Rotan** *Rattan*	
Sijil *Certificate*	18	13	10	3	10	7	61
Diploma *Diploma*	31	11	14	17	11	14	98
Jumlah *Total*	**49**	**24**	**24**	**20**	**21**	**21**	**159**

Penganugerahan turut diberikan kepada 6 orang pelajar terbaik jurusan peringkat Diploma, 6 pelajar terbaik jurusan peringkat Sijil serta pelajar terbaik keseluruhan bagi peringkat Diploma dan Sijil. Cik Norsima binti Mohamad Fozi merupakan penerima anugerah pelajar terbaik keseluruhan peringkat Diploma Seni Kraf manakala Cik Haslea binti Sabin dianugerahkan sebagai pelajar terbaik keseluruhan peringkat Sijil Seni Kraf. Kedua-dua graduan tersebut menerima sijil, pingat serta wang tunai sebanyak RM1,000.00.

Students with outstanding achievement received a special Award in which a total of 6 best students in their respective field of studies for both diploma and certificate programme and overall best student for both diploma and certificate programme. Cik Norsima binti Mohamad Fozi emerged as the award recipient for the best overall student for the Diploma in Craft programme while Cik Haslea binti Sabin is the award recipient for the best overall student for the Certificate in Craft programme. Both graduates received a certificate, medal and cash reward of RM1,000.00.

Majlis Konvokesyen IKN ke-10 turut dimeriahkan dengan Pesta Konvokesyen yang diadakan bermula 9 November hingga 12 November 2011. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti jualan produk kraf hasil pelajar dan usahawan kraf, pameran produk kraf, demonstrasi kraf, interaktif kraf, persembahan kebudayaan serta lawatan berpandu.

A Convocation Festival was also held in conjunction with the NCI 10th Convocation event from 9 to 12 November 2011. Various activities were conducted including sales of craft products by students and craft entrepreneurs, exhibition of craft products, craft demonstration and interactive, cultural performance and guided tour.



Pengiktirafan Program

Program Diploma dan Sijil Seni Kraf Rotan telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 16 Ogos 2011. Sijil Seni Kraf Batik dan Diploma Seni Kraf Batik, Sijil Seni Kraf Tenunan dan Diploma Seni Kraf Tenunan, Sijil Seni Kraf Kayu dan Diploma Seni Kraf Kayu, Sijil Seni Kraf Seramik dan Diploma Seni Kraf Seramik serta Sijil Seni Kraf Logam dan Diploma Seni Kraf Logam telah mendapat pengiktirafan yang sama pada 17 Disember 2009. Ini bermakna, kesemua 6 program pengajian di IKN telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), membolehkan graduan IKN dilantik ke dalam perkhidmatan awam mengikut kelayakan yang setaraf.

Programme Accreditation

Both Rattan Diploma and Certificate programme received accreditation from the Public Service Department (JPA) on 16 August 2011 that brings honour, recognition and excellence to NCI. The Batik Craft Certificate & Diploma programme, Weaving Craft Certificate & Diploma programme, Wood Craft Certificate & Diploma programme, Ceramic Craft Certificate & Diploma programme and the Wood Craft Certificate and Diploma programme were earlier accorded with the same accreditation on 17 September 2009. This means all 6 programmes under NCI have now been accredited by the Public Service Department (JPA), enabling NCI graduates to be employed in the public service sector according to their respective qualification.

Sandwich Programme

Program yang diperkenalkan pada 2011 ini bertujuan meningkatkan kualiti dan melengkapkan kemahiran pelajar, membolehkan perkongsian pengetahuan teknologi dalam pengeluaran bersama usahawan diperolehi oleh pelajar secara langsung. Di samping itu, ia dapat memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perkembangan sebenar industri kraf dalam negara. Program ini juga dapat memberi insentif dalam meningkatkan prestasi pelajar di samping melahirkan tenaga pelapis yang berupaya meningkatkan taraf industri kraf negara. Program yang berlangsung selama tiga bulan ini, telah bermula pada 6 Jun hingga 26 Ogos 2011 yang melibatkan seramai 23 orang pelajar daripada pelbagai jurusan seperti **Jadual 19.**

Sandwich Programme

*The programme was introduced in 2011 aims to further enhance the quality of student's skill and knowledge, enabling the sharing, dissemination and transfer of technological knowledge on manufacturing processes through direct working experience between students and entrepreneurs. In addition, it will also provide exposure for the students on the actual development and activities taking place within our country's craft industry. The programme which runs for three months, commenced from 6 June till 26 August 2011 involving a total of 23 students from various field of studies as shown in **Table 19.***

Jadual 19 Penyertaan Pelajar dan Usahawan Dalam Sandwich Programme
Table 19 Students and Entrepreneurs Participation in the Sandwich Programme

Bil. *No.*	Jurusan *Field of Studies*	Bil Pelajar Terlibat *No. of Students Involved*	Usahawan Terlibat *Entrepreneurs Involved*
1.	Jurusan Seni Kraf Batik *Batik Craft*	4	• Noor Arfa Holdings Sdn Bhd • Nadia Batik dan / *and* Songket
2.	Jurusan Seni Kraf Tenunan *Weaving Craft*	4	• Zaidah Songket • Puan Hajah Nortipah Abd Kadir
3.	JurusanSeni Kraf Kayu *Wood Craft*	4	• Seni Ukir Bakawali • Kayuma Industri
4.	Jurusan Seni Kraf Logam *Metal Craft*	4	• East Art Enterprise • Encik Wan Abd Rahim Wan Ibrahim
5.	Jurusan Seni Kraf Seramik *Ceramic Craft*	4	• Temin Kraf Enterprise • Kraf Semanggol
6.	Jurusan Seni Kraf Rotan *Rattan Craft*	3	• Myhani Enterprise

Pencapaian Penyertaan Pertandingan: Pertandingan Piala Seri Endon 2011

Pencapaian IKN turut terserlah apabila memenangi anugerah melalui penyertaan dalam pertandingan kraf di peringkat dalam negara. Pertandingan Piala Seri Endon 2011 anjuran Yayasan Budi Penyayang, memperlihatkan kejayaan pelajar dan tenaga akademik IKN yang menjuarai dua kategori daripada tiga kategori yang dipertandingkan iaitu kategori kemasan lembut (soft furnishing) dan fesyen. Pencapaian ini menjadi satu landasan kepada pelajar dan tenaga akademik IKN menonjolkan kreativiti dan inovasi menghasilkan batik.Pertandingan Akhir Piala Seri Endon 2011 telah diadakan pada 11 Disember 2011, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh KDYM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Achievement in Competition: Seri Endon Trophy Competition 2011

NCI's achievement shines even brighter when it won an award in a craft competition organized locally. The Seri Endon Trophy Competition 2011 organised by Yayasan Budi Penyayang, demonstrate the capability of NCI's students and academic staffs who had won two out of three categories namely the soft furnishing and fashion category. This monumental achievement will become a platform for students and academic staffs of NCI to feature their innovation and creativity in the production of batik. The final competition for the Seri Endon Throphy 2011 was conducted on 11 December 2011 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) and Her Majesty Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah, was present to give away the prizes.



Anugerah Kreatif Kraf

Pada tahun 2011, IKN telah memperkenalkan Anugerah Kreatif Kraf iaitu pertandingan karya kraf yang dibuka kepada pelajar tahun akhir program sijil dan diploma IKN. Pertandingan yang bertemakan 'sulur alam' ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu 2D (batik dan tenunan), 3D (logam, seramik, kayu dan rotan) dan kategori media campuran. Pertandingan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk berkarya, tetapi juga dapat mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovatif serta kemahiran pelajar, di samping menyuntik minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Creative Craft Award

In 2011, NCI introduces the Creative Craft Award which is a craft design competition opened for NCI's final year students in both the certificate and diploma programme. The competition theme of 'sulur alam' was divided into 3 categories that is the 2D (batik and weaving), 3D (metal, ceramic, wood and rattan) and mixed media/ material category. The contest opened up students' artistic side, raw talent, creativity, innovativeness and skills as well as infuse them with interest to venture into the field of entrepreneurship.





Program Pemuliharaan Kraf

Objektif utama program ini adalah untuk memulih dan memelihara perkembangan dan kemajuan kraf tempatan melalui pengumpulan, kajian, merekod segala sumber yang berkaitan dengan khazanah kraf Malaysia supaya menjadi bahan rujukan utama dan seterusnya dapat mendidik masyarakat menghayati dan mencintai seni kraf warisan. Di bawah program ini terdapat dua aktiviti utama iaitu pemuliharaan dan pemeliharaan kraf warisan melalui kajian, mengumpul dan merekod maklumat yang berkaitan dengan pembangunan industri kraf Malaysia. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap seni dan budaya ini didukung oleh penerbitan bahan ilmiah dalam bentuk percetakan buku dan penerbitan audio visual yang menjurus kepada pelbagai elemen seni dan budaya khususnya dalam bidang kraf. Aktiviti yang dijalankan melalui pemeliharaan kraf ialah pameran bertema dan pameran tetap. Pameran bertema yang diadakan di Muzium Kraf Kuala Lumpur ialah:

(i) Pameran Teknologi Tradisional Pembuatan Tekstil, sempena Hari Kraf Kebangsaan 2011 di Muzium Kraf pada 23 Februari hingga 7 Mac 2011;

(ii) Pameran Seni Kraf Warisan Logam, sempena Promosi Kerja Kahwin 2011 di Muzium Kraf pada 21 Julai hingga 29 Julai 2011; dan

Craft Restoration Program

The main objective of this programme is to restore and maintain the development and advancement of local craft through collection, research and recording of all resources related to Malaysia's craft heritage as main reference materials and educating society to appreciate and love the art of heritage craft. There are two main activities under this programme that is craft restoration and conservation conducted through ongoing research, collection and documentation of records related to the development of the Malaysian craft industry. Hence, the effort to enhance the community's understanding towards art and culture will be supported by the publication of materials in the form of printed booklets and audio visual. The activities conducted through the craft restoration programme are themed and permanent exhibitions. The themed exhibitions organized at the Kuala Lumpur Craft Museum are:

(i) Exhibition on Traditional Technology in the Production of Textile, in conjunction with the National Craft Day 2011 at the Craft Museum from 23 February till 7 March 2011;

(ii) Exhibition on Metal Craft Heritage, in conjunction with Wedding Works Promotion 2011 at the Craft Museum from 21 till 29 July 2011.

Interaktif Kraf
Craft Interactive



Bicara Kraf
Craft Talk





Di samping itu, Kraftangan Malaysia juga mengadakan Pameran Konservasi Kraf Tekstil di Hotel Grand Seasons pada 21 Disember hingga 22 Disember 2011 sempena *Craft Textiles Conservation Workshop 2011*.

Pada tahun 2011, terdapat seramai 25 orang Adiguru Kraf dan seorang dari kalangan Adiguru Kraf tersebut telah dianugerahkan sebagai Tokoh Kraf Negara 2011. Bagi aktiviti penyelidikan dan dokumentasi pula, Buku Tokoh Kraf Negara 2011 telah diterbitkan dan sebanyak 2 penyelidikan telah dijalankan iaitu Penyelidikan Kraf Batik dan Kraf Pertukangan Perak. Sebanyak 338 aktiviti pendidikan kraf yang melibatkan seramai 30,614 orang peserta dijalankan di beberapa buah cawangan di peringkat negeri yang melibatkan pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Aktiviti ini bertujuan memberi tunjuk ajar kepada para peserta yang terlibat supaya dapat memahami, memelihara dan mencintai seni kraf warisan negara. Pencapaian aktiviti pendidikan kraf dan interaktif kraf sebagaimana di **Jadual 20**.

In addition, Malaysian Handicraft also conducts Textile Craft Conservation Exhibition at the Grand Season Hotel from 21 to 22 December 2011 in conjunction with the Craft Textiles Conservation Workshop 2011.

*The total number of Craft Adiguru stands at 25 and one of the Craft Adiguru received the National Master Craftsman Award 2011. Activities conducted for the research and documentation includes researches on Batik Craft and Metal Craftsmanship and the publication of the National Master Craftsman Award 2011 booklet. 338 craft educational activities involving 30,614 participants were carry out in several branches at state level. These activities were aimed at giving guidance to participants in understanding, preserving and loving the art of national craft heritage. The achievements of craft interactive and educational activities are shown in **Table 20**.*

Jadual 20 Aktiviti Pendidikan Kraf
Table 20 Craft Education Activities

Bil. *No.*	Negeri *State*	Bil. Aktiviti *No. of Activities*	Bilangan Peserta *No. of Participants*
1.	Ibu Pejabat *Federal Territory*	12	4,503
2.	Pulau Pinang *Penang*	2	360
3.	Perlis	8	622
4.	Kedah	11	1,433
5.	Perak	24	1,462
6.	Selangor	23	2,296
7.	Langkawi	27	1,818

Bil. *No.*	Negeri *State*	Bil. Aktiviti *No. of Activities*	Bilangan Peserta *No. of Participants*
8.	Negeri Sembilan	93	7,768
9.	Melaka *Malacca*	11	768
10.	Johor *Johore*	14	1,514
11.	Pahang	4	132
12.	Terengganu	11	747
13.	Kelantan	31	2,904
14.	Sabah	31	2,669
15.	Sarawak	36	1,618
Jumlah / *Total*		**338**	**30,614**

Program Pembangunan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi memperlihatkan kejayaan pencapaian oleh Portal Rasmi Kraftangan Malaysia dan Institut Kraf Negara untuk mengekalkan pengiktirafan 5 bintang selama dua tahun berturut-turut (2010 dan 2011) melalui penilaian Malaysia Portal and Websites Assessment 2011 oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Selain itu penggunaan TV Kraf, Gerbang SMS serta laman media sosial seperti Blog, Twitter dan Facebook turut diperkembangkan sebagai saluran maklumat dan komunikasi alternatif Kraftangan Malaysia.

Information Technology And Communication Development

The success of Information Technology and Communication development activities are clearly visible through the conferment of 5 star rating for two consecutive years for both the Malaysian Handicraft Official Portal and the National Craft Institute portal for year 2010 and 2011, in which evaluation is made based on the Malaysia Portal and Websites Assessment 2011 by Multimedia Development Corporation (MDeC) and Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). Alternatively the use of Craft TV, SMS gateway and social media website such as Blog, Twitter and Facebook are also being expanded as an alternative information and communication channel for Malaysian Handicraft.

Prestasi Anak Syarikat

Performance Of Subsidiary Companies



Tenun Pua / *Pua Weaving*

Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.

Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) merupakan anak syarikat Kraftangan Malaysia yang bertanggungjawab memasarkan produk kraf tempatan di dalam dan luar negara. Syarikat ini memasarkan produk kraf di bawah jenama Karyaneka. Secara keseluruhannya, Karyaneka telah memperoleh jualan kasar sejumlah RM17,001,220.25 pada tahun 2011, berbanding pada tahun 2010 yang mencatat jualan kasar sebanyak RM15,704,352.00. Prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.26 peratus dalam pencapaian jualan Karyaneka. Aktiviti pemasaran Karyaneka dibahagikan kepada tiga segmen utamanya iaitu segmen Operasi/Runcit, Korporat/Agen dan Promosi/Eksport. Daripada ketiga-tiga segmen ini, segmen Operasi/Runcit mencapai prestasi jualan yang paling cemerlang diikuti segmen Korporat/Agen.

Berbanding dengan tahun lepas, segmen Operasi/Runcit mengalami peningkatan jumlah jualan kraf sebanyak 1.74 peratus, diikuti segmen Korporat/Agen mengalami peningkatan sebanyak 27.86 peratus. Walau bagaimanapun, segmen Promosi/Eksport pula mengalami penurunan sebanyak 55.53 peratus seperti di **Jadual 21**.

Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.

Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) is a subsidiary company of Malaysian Handicraft responsible for marketing local craft products domestically and internationally. The company markets these craft products under the brand Karyaneka. In total, Karyaneka earned gross sales of RM17,001,220.25 in 2011, against 2010 which recorded gross sales of RM15,704,352.00. This performance showed an increase of 8.26 percent. The Karyaneka marketing activities are divided into three main segments that are the Operations/Retail segment, Corporate/Agent segment and Promotion/Export segment. Out of these three segments, the Operations/Retail segment has the highest sales achievement followed by the Corporate/Agent segment.

*Compared to last year, the Operations/Retail segment showed an increase in the overall sales volume of 1.74 percent, followed by the Corporate/Agent segment that showed an increase of 27.86 percent. The Promotion/Export segment however, experienced a decline of 55.53 percent as shown in **Table 21**.*

Jadual 21 **Prestasi Jualan Karyaneka**
Table 21 ***Karyaneka Sales Performance***

Nilai Jualan Kraf Mengikut Tahun (RM) / *Craft Sales Value By Year (RM)*			
Segmen *Segment*	**2010**	**2011**	**% Peningkatan/ Penurunan** *% Increase/Decline*
Operasi/Runcit *Operations/Retail*	9,997,978.00	10,172,225.65	1.74
Korporat/Agen *Corporate/Agent*	5,146,070.00	6,579,803.18	27.86
Promosi/Eksport *Promotion/Export*	560,304.00	249,173.52	(55.53)
Jumlah Jualan Kasar ***Total***	**15,704,352.00**	**17,001,220.25**	**8.26**



Jualan Kraf
Craft Sales



Karyaneka mempunyai 12 buah pusat jualan iaitu di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Kompleks Kraf Langkawi, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Satelit, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur CP 21, Bukit Bintang Plaza, Lapangan Terbang Langkawi, Wisma Kraftangan Jalan Tun Perak, Kompleks Kraf Seremban, Negeri Sembilan; Pasaraya Mid Valley, Kraftangan Malaysia Cawangan Kuantan, Pahang, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC) Kuala Lumpur dan KL CityWalk. Pencapaian jualan bagi semua pusat jualan seperti di **Jadual 22**.

*Karyaneka owns 12 sales centre, namely the Kuala Lumpur Craft Complex, Langkawi Craft Complex, Kuala Lumpur International Airport Satellite, Kuala Lumpur International Airport CP 21, Bukit Bintang Plaza, Langkawi Airport, Handicraft Complex Jalan Tun Perak, Seremban Craft Complex, Negeri Sembilan; Mid Valley Megamall, Malaysian Handicraft Kuantan Branch, Pahang, Malaysia Tourism Centre (MATIC) Kuala Lumpur and KL CityWalk. The sales achievements for all the sales centre are as shown in **Table 22**.*

Jadual 22 **Jualan Kraf di Pusat Jualan Karyaneka**
Table 22 ***Sales at Karyaneka Sales Centre***

Pusat Jualan *Sales Centre*	**Nilai Jualan Tahun 2010 (RM)** *Sales Value for 2010 (RM)*	**Nilai Jualan Tahun 2011 (RM)** *Sales Value for 2011 (RM)*	**% Peningkatan/ Penurunan** *% Increase Decline*
Kompleks Kraf Kuala Lumpur *Kuala Lumpur Craft Complex*	5,854,074.00	5,372,381.21	(8.23)
Kompleks Kraf Langkawi *Langkawi Craft Complex*	589,195.00	487,975.20	(17.2)
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Satelite *Kuala Lumpur International Airport Satellite*	1,424,180.00	1,712,407.35	20.2
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur CP 21 *Kuala Lumpur International Airport CP 21*	1,125,945.00	1,364,853.75	21.2
Bukit Bintang Plaza *Bukit Bintang Plaza*	138,730.00	193,436.70	39.4

Pusat Jualan *Sales Centre*	Nilai Jualan Tahun 2010 (RM) *Sales Value for 2010 (RM)*	Nilai Jualan Tahun 2011 (RM) *Sales Value for 2011 (RM)*	% Peningkatan/ Penurunan *% Increase Decline*
Lapangan Terbang Langkawi *Langkawi Airport*	224,485.00	252,719.60	12.6
Wisma Kraftangan, Jalan Tun Perak *Handicraft Complex Jalan Tun Perak*	47,823.00	56,847.20	18.9
Kompleks Kraf Seremban *Seremban Craft Complex*	47,780.00	55,637.40	16.4
Pasaraya Mid Valley *Mid Valley Megamall*	187,364.00	216,443.60	15.5
Kraftangan Malaysia Cawangan Kuantan, Pahang *Malaysian Handicraft Kuantan Branch, Pahang*	21,696.00	32,404.30	49.4
Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC) *Malaysia Tourism Centre (MATIC)*	337,702.00	415,272.34	23.0
KL CityWalk *KL CityWalk*	-	11,847.00	-
Jumlah Jualan ***Total Sales***	**9,997,978.00**	**10,172,225.65**	**1.74**

KRAF HOLDINGS SDN. BHD.

Syarikat Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings) merupakan anak syarikat Kraftangan Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengeluaran batik eksklusif. Setiap tahun Kraf Holdings mempertingkatkan reka corak, kehalusan pembuatan/mencanting batik dan menggunakan pelbagai jenis kain putih dalam menghasilkan kain batik yang eksklusif. Jenis-jenis kain yang digunakan ialah opal, linen, habotai, chiffon, crepe satin, jacquard, organza, crepe de chine dan cotton.

Pada tahun 2011, nilai jualan yang diperoleh adalah RM1,474,671.00 berbanding tahun 2010 nilai jualan adalah RM1,343,468.98 dengan peningkatan sebanyak 9.78 peratus. Kraf Holdings telah menumpukan kepada jualan batik eksklusif dan bahan mentah. Peningkatan hasil jualan batik eksklusif telah meningkat dari RM686,208.37 tahun 2010 kepada RM702,851.00 pada tahun 2011. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 2.43 peratus. Manakala bagi jualan bahan mentah, ia juga menunjukkan peningkatan dari RM657,260.61 pada tahun 2010 kepada RM771,820.00 pada tahun 2011. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 17.43 peratus.

KRAF HOLDINGS SDN. BHD.

Kraf Holdings Sdn. Bhd. (Kraf Holdings) is a subsidiary of Malaysian Handicraft that focuses on the production of exclusive batik. Every year, Kraf Holdings will continue its effort to enhance designs pattern, refinement on the hand drawing process and use various type of white fabric in the production of exclusive batik. The type of fabric used are such as opal, linen, habotai, chiffon, crepe satin, jacquard, organza, crepe de chine and cotton.

The sales value for 2011 was RM1,474,671.00 compared to 2010 sales value of RM1,343,468.98 indicating an increase of 9.78 percent. Kraf Holdings emphasised on the sales of exclusive batik and raw materials. The sales of exclusive batik sees an increase from RM686,208.37 in 2010 to RM702,851.00 in 2011, indicating an increase of 2.43 percent. While, the sales of raw materials also shows an increase of 17.43 percent from RM657,260.61 in 2010 to RM771,820.00 in 2011.

Penyata Kewangan

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Subsidiarinya pada 31 Disember 2011

(Ditubuhkan Di bawah Akta 222, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979)



Anyaman / *Weaving*

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberI pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(TOHA BIN SHARIF)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 JULAI 2012



